

**Tidak bermakna dipinggirkan
Utusan Online
Januari 19, 2012**

SHAH ALAM 18 Jan. - Pas negeri menyifatkan perubahan portfolio hal ehwal agama Islam yang kini dipegang oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim tidak bermakna parti itu dipinggirkan dalam pengurusan agama Islam di negeri ini.

Pesuruhjayanya, Dr. Abdul Rani Osman berkata, pihaknya tiada sebarang masalah dengan perubahan portfolio itu yang sebelum ini dipegang oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia, Datuk Dr. Hasan Ali sebelum gugurkan daripada jawatan berkenaan 13 Januari lalu.

Menurutnya, meskipun ADUN Sijanggang, Dr. Ahmad Yunus Hairi yang dilantik sebagai Exco menggantikan Hasan diberikan portfolio Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan negeri, ia tidak menghalang Pas daripada terus memainkan peranan dalam pembangunan agama Islam di Selangor.

"Tidak ada masalah, malah semalam Menteri Besar telah menyebut kepada saya supaya Pas dapat menegur dalam apa-apa hal berkaitan dengan agama Islam," katanya.

Beliau berkata demikian selepas istiadat mengangkat sumpah pelantikan Dr. Ahmad Yunus sebagai Exco kerajaan negeri di Istana Bukit Kayangan, di sini hari ini.

Ahmad Yunus mengangkat sumpah di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi menggantikan Hasan yang telah dipecat daripada Pas dan Exco kerajaan negeri sebelum ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0119&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm